

Hampir Semua Pro Yahudi

Untuk memburukkan hal ehwal negara-negara Arab dan perjuangannya di Timur Tengah, majalah-majalah Amerika adalah sentiasa membuat fitnah untuk mengeruhkan suasana di negara-negara Arab terutamanya musuh ketatnya Mesir. Ini tidak lain kerana dunia mengetahui bahawa *Şahyūnī* (Yahudi) adalah menjadi tulang belakang akhbar-akhbar dan berita-berita rasmi di seluruh dunia Amerika dan Barat. Kerana itu maqalah seperti yang tersebut di bawah ini tidak menghairakan jika didapati tersiar di dalam surat khabar –surat khabar dan majalah Amerika dengan tujuan untuk memburuk-burukkan keadaan di negara-negara Arab.

Akhbar Al Amal di Tunis keluaran 14 Disember 1967 ada menyiarkan rencana yang disiarkan oleh Majalah *Time* dan membuat kesimpulan atas rancangan itu seperti berikut- Pengarang.

- ❖ Kita telah mecuai-cuaikan masalah Mesir oleh itu kita gagal.
 - ❖ Kita telah binasa di dalam peperangan dengan Israel, kita tidak mempunyai kemahuan di dalam peperangan itu dan tidak bersedia mengatur barisan untuk berperang.
 - ❖ Kita telah menghancurkan ekonomi kita dengan tangan kita sendiri dan kita telah meletakkan masa depan dan sejarah kita di dalam genggamannya syaitan.
 - ❖ Kita telah melakukan kesalahan-kesalahan yang bukan sedikit.
 - ❖ Ingatan untuk membunuh diri tidak sesekali-kali terlintas di dalam fikiran saya.
- (Abdel Hakim Amer).**
- Apa kata Majalah *Time***
New York(WAT) – Majalah *Time*
yang diterbitkan di Amerika pada masa-masa
- yang akhir ini telah menyiarkan suatu berita penting mengenai wasiat *Field Marshal* Abdel Hakim Amer bekas Penolong Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata Mesir yang telah meninggal dunia di dalam bulan September yang lalu semasa berada di dalam tahanan di rumah. Wasiat ini dianggap “ wasiat politik” oleh Majalah Qalam.
- Pihak yang berkuasa Mesir telah mensifatkan dengan rasminya bahawa kematian *Field Marshal* Abdel Hakim Amer itu adalah disebabkan oleh membunuh diri, sedang *Field Marshal* Amer menurut berita yang telah disiarkan oleh Majalah *Time* di dalam wasiatnya telah menulis bahawa ingatan untuk membunuh diri tidak sekali-kali terlintas di dalam fikirannya.
- Menurut majalah Amerika – yang menyiarkan berita itu – bahawa keterangan ini mungkin dijumpai oleh beberapa orang dari negara-negara Arab yang lain yang bekerja sebagai Penolong Bahagian Penerangan kerana pengesahan sumber terbitnya
- berita ini adalah ditegaskan oleh beberapa orang Arab yang mungkin mereka itu bekas pengikut-pengikut *Field Marshal* Amer yang cinta kepadanya.
- Di bawah ini disiarkan setengah daripada cebisan yang dikutip daripada wasiat itu : berkata *Field Marshal* Amer:
“Sesungguhnya kita dapati diri kita di dalam keadaan merbahaya di dalam peperangan dengan Israel, kita tidak mempunyai kemahuan kerana kita belum benar-benar bersedia mengatur barisan untuk menghadapi sebarang peperangan atau tidak bersedia menentukan masa untuk berjuang. Tidaklah memada bergantung kepada Gamal yang berdiri dan berkata : “Saya bertanggungjawab penuh dengan masalah kekalahan.”
- Sesungguhnya kita tidak boleh menegakkan tanggungjawab kita melainkan apabila kita telah menerangkan kepada rakyat akan cara-cara dan keputusan yang telah diambil yang mana cara-cara itu membawa kepada kehancuran angkatan perang kita.

Semua Pro Yahudi

Dengan sebab inilah saya mengambil keputusan meletakkan jawatan saya.

Seterusnya didalam wasiat itu beliau berkata “Baik di antara sahabat-sahabat dan teman-teman saya yang cuba memujuk saya dengan mengatakan bahawa keputusan saya itu akan menimbulkan lekas tersiarnya anggapan orang lain bahawa saya mengidap penyakit jiwa yang merbahaya dan saya telah beberapa kali hendak membunuh diri.”

Dengan tidak ragu-ragu lagi Amer berkata: “Adakah didapati seseorang manusia yang tidak dihindangi oleh penyakit jiwa selepas ditimpa oleh bala yang diturunkan ke atas kita? Ada pun ingatan untuk membunuh diri tidak sekali-kali terlintas di dalam fikiran saya.”

Seterusnya *Field Marshal* Amer berkata di dalam wasiatnya: “Sesungguhnya tuan *President* dengan tiba-tiba memeranjatkan perasaan saya ketika saya diundang kerumahnya sebelum beliau berangkat Khartoum untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Arab. Saya diberitahu bahawa pasukan polis keamanan akan mengangap saya.

Beliau berkata kepada saya : “Wahai saudara : Sesungguhnya maklumat-maklumat yang disampaikan kepada saya menyatakan menurut perhatian (atau penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak polis rahsia – P) bahawa sebahagian besar daripada *officer-officer* tentera telah berulang-

aliki ke rumah saudara. Ini menyebabkan dalam negeri merbahaya. Oleh itu kami berkewajipan dan perlu menyekat masa ziarah mereka ke rumah saudara.” Saya bersumpah atas nama kehormatan saya bahawa ziarah mereka itu tida ada kena dengan soal politik, dan saya terangkan kepadanya kalau sebenar-benarnya saya bercita-cita untuk menguasai negeri nescaya saya tidak akan mengemukakan perletakan jawatan saya di dalam bulan Jun, dan seterusnya saya katakan kepadanya “Sesungguhnya tuan telah menaruh syak wasangka di atas niat saya oleh itu saya bersedia menunjukkan kejujuran saya dihadapan mahkamah tentera.”

Pada ketika itu juga dijawab oleh Abdel Nasser dengan katanya : “Yang demikian itu tak mungkin”. Pada saat itu pula saya menyoal : “Adakah yang demikian itu mewajibkan kita mesti mendiamkan diri di atas kejadian-kejadian yang membawa kepada merebaknya api peperangan?” Beliau menjawab : “Ya”.

Field Marshal Abdel Hakim Amer meneruskan keterangannya dengan berkata: “Sesungguhnya buat saya tidak sekali-kali akan bersikap mendiamkan diri, kerana yang demikian itu saya akan melanggar kewajipan saya dan menodai kehormatan saya sebagai seorang tentera.” Dan sekarang telah terlewat masanya buat saya mengetahui bahawa sesungguhnya *President* selama ini telah mencuaikan kewajipan terhadap Mesir, yang mana menyebabkan kegagalannya. Kewajipan kami adalah mengambil berat di atas segala kepentingan rakyat kami. Ini lebih

penting daripada mencetuskan beberapa pemberontakan dan melancarkan beberapa peperangan dengan orang lain demi untuk mengelakkan daripada membazir menghabiskan wang rakyat dengan tiada berfaedah.

~~Seterusnya *Field Marshal* Abdel Hakim Amer berkata~~

“Sesungguhnya kita telah menghancurkan ekonomi kita dengan tangan kita sendiri dan kita telah meletakkan masa depan dan sejarah negara kita di dalam genggamannya syaitan. Sesungguhnya kita telah melakukan beberapa kesalahan dan kekhilafan tetapi sebesar-besar kesalahan yang telah kita lakukan yaitu kita tidak mahu mengakui akan kesalahan dan kekhilafan yang telah kita lakukan itu. Apabila didapati bahawa wasiat ini saya tulis dengan tergesa-gesa, kerana saya berasa takut apa yang akan berlaku di atas diri saya disebabkan saya telah hilang kepercayaan kepada sahabat dan saudara saya Gamal, yang demikian itu bererti mendedahkan diri saya kepada beberapa ancaman, kerana saya telah menuntut supaya saya dibicarakan secara terbuka.”

Sementara itu saya telah beberapa kali mendesak untuk berhubung dengan *President*, tetapi saya selalu diberi jawapan bahawa *President* sedang banyak urusan, denagn itu saya yakin bahawa suatu gerakan untuk menentang saya sedang dilakukan. Maka dengan itu saya telah menulis wasiat ini dan saya percaya wasiat saya ini akan sampai kepada orang ramai”.

Sebagai penutup saya memohon keampunan daripada Allah yang Maha Besar ...
Wa Allahu Akbar keagungan bagi Mesir”.